


JEJAK PENJENAYAH

R. Hamzah Dua



PERPUSTAKAAN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Sabow 14337

JEJAK PENJENAYAH

PERPUSTAKAAN DBP
Cawangan, Melaka.
No. Rakam: 899-2333 Rha
No. Perangka: 024003
Tarikh: 26/12/07 P. F. S.

Jejak penjenayah



SAB00014337

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

JEJAK PENJENAYAH

R. Hamzah Dua

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2008

Penerbitan novel kanak-kanak ini diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dan diselenggarakan oleh Ketua Editor Rusdi Awang, Editor Projek Noorzanani Haji Kata, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah.

Cetakan Pertama 2008
© Hamzah Dua 2008

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia.

Data Pengkatalogan-
dalam-Penerbitan

Hamzah Dua

Jejak penjenayah / Hamzah Dua.

ISBN 978-983-62-9794-5

I. Malay fiction I. Judul.

899.2333

Dicetak oleh
Dawama Sdn. Bhd.
Kompleks Dawama
Lot 1037, Jalan AU3/1
54200 Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

Bab

I



'SUATU hari nanti, aku akan datang ke sini lagi. Ya pasti ...,' bisik hati kecil Azlinda. Dia terus menoleh ke belakang, ke arah pekan kecil yang semakin jauh ditinggalkan. 'Segala peristiwa yang aku alami selama berada di Bongawan, tak akan aku lupakan. Semuanya akan menjadi kenanganku,' bisiknya lagi. Terasa sayu juga hatinya hendak meninggalkan tempat itu. Sukar baginya hendak melupakan begitu sahaja segala yang pernah dilalui dan dialaminya.

Kamarul, Gopal dan Janet Lee juga sesekali

menoleh ke arah yang sama. Sehingga lah kawasan pekan Bongawan semakin menjauh dan akhirnya menghilang dari pandangan mereka.

Cikgu Budi yang memandu vannya dengan kelajuan yang sederhana, sesekali melihat ke belakang melalui cermin di hadapannya. Melihat Azlinda, Janet Lee dan Kamarul. Manakala Gopal pula duduk di sebelah kirinya.

"Hai, Gopal ... melamun jauh nampaknya?" tegur Cikgu Budi apabila didapatinya Gopal merenung jauh ke hadapan, setelah beberapa ketika dia menoleh ke belakang. Dia semacam sedang memikirkan sesuatu. "Teringat kampung ke?" tambah Cikgu Budi kemudian, tersenyum melirik ke arah Gopal.

"Err, pasal kampung 'tu, memang ingat juga, cikgu," jawab Gopal. "Tapi, saya lebih teringat akan peristiwa yang berlaku di Bongawan," tambahnya, berterus terang.

"Oh, macam 'tu...."

"Susah saya nak lupakannya, cikgu. Rasanya, saya ingin datang ke tempat 'tu lagi," kata Gopal lagi.

"Betul, cikgu. Kami semua 'ni memang berhajat nak datang ke sini lagi," Azlinda mencelah.

"Macam itulah rancangan cikgu, Azlinda."

"Eloklah 'tu, cikgu. Boleh juga kami berjumpa lagi dengan Shazlina dan Shazlan," kata Azlinda. Di tubir matanya terbayang wajah kedua-dua anak Cikgu Budi yang sangat baik dan mesra dengan mereka, sepanjang tinggal di rumah Cikgu Budi.

"Lagipun, 'dah lama betul cikgu tak jumpa dengan Cikgu Ahmad jurulatih Kelab Judo kamu 'tu. Dulu, sewaktu sama-sama di maktab perguruan, kami memang rapat dan jarang berenggang," kata Cikgu Budi kemudiannya.

"Kami pun pernah mendengar Cikgu Ahmad menyebut nama cikgu," celah Janet Lee. "Kata Cikgu Ahmad, cikgu 'ni juga handal dalam seni mempertahankan diri, terutamanya seni pencak silat," dia menambah tutur katanya.

"Emm, taklah handal sangat. Tapi, cikgu memang pernah berguru semasa muda-muda dulu," kata Cikgu Budi. "Tapi, kamu semua mesti ingat ... walaupun handal kita sebagai manusia 'ni, ada lagi yang lebih kuat dari kita," dia menambah kata.

"Maksud cikgu?" cepat-cepat Gopal bertanya, memandang kepada Cikgu Budi.

"Allah ... Dia yang lebih berkuasa dan lebih kuat dari kita semua," kata Cikgu Budi.

Gopal menoleh seketika kepada kawan-kawannya di belakang. Kemudian tersenyum penuh makna.

"Tak ada sesiapa pun makhluk di muka bumi ini yang boleh mengatasi kuasa Allah. Dari itu, harus diingat ... kekuatan kita adalah daripada kekuasaan-Nya. Kita tak boleh takbur dan angkuh dengan apa yang ada pada kita," kata Cikgu Budi dengan agak panjang lebar.

Gopal, Kamarul, Janet Lee dan Azlinda berpandangan antara satu dengan lain. Mereka menerima kata-kata Cikgu Budi itu sebagai satu pedoman yang berguna kepada mereka.

Kemudian mereka terus berbual-bual dengan pelbagai tajuk perbualan. Seseekali kedengaran ketawa mereka.

Perjalanan diteruskan menuju ke destinasi. Apabila mereka tiba di kawasan Kimanis, tiba-tiba sahaja van Cikgu Budi mengalami kerosakan enjin. Cikgu Budi berusaha memperbaiki kerosakan tersebut.

Kamarul, Azlinda, Gopal dan Janet Lee turun dari van, melihat Cikgu Budi yang sedang berusaha memperbaiki kerosakan enjin vannya itu.

"Apa yang rosak, cikgu?" tanya Kamarul.

"Dalam enjin 'ni hah. Tapi, cikgu tak pasti